



06 Jun 2018

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Selangor & KL • Page: 39
Printed Size: 253.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 4,315.60 • PR value: MYR 12,946.80 • Item ID: MY0032791504

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Lawat projek NDWT Pelabuhan Kuantan

KUANTAN - Sesi lawatan Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh ke tapak projek Terminal Baharu Laut Dalam (NDWT) Pelabuhan Kuantan yang dibangunkan Kuantan Port Consortium Sdn Bhd (KPC) di sini mampu memberi gambaran dan pemahaman lebih jelas kepada beliau terhadap projek tersebut.

Selain sesi taklimat, Fuziah yang turut diiringi Adun Teruntum, Sim Chon Siang dan Adun Semambu, Lee Chean Chung turut dibawa meninjau tapak projek pembinaan NDWT yang se-

dang dijalankan di bawah projek pembesaran Pelabuhan Kuantan.

Fuziah berkata, beliau berpuas hati dengan penjelasan pihak KPC berhubung perjalanan projek tersebut.

Menurutnya, beliau mengakui banyak persoalan yang timbul sebelum ini terjawab pada lawatan itu.

"Sebelum ini saya tanya menteri dalam parlimen, siapa urus projek ini, siapa pelabur tapi tiada jawapan diberikan tapi hari ini, saya diberi taklimat dan dibawa meninjau tapak projek jadi semua jelas.

"Saya berbesar hati atas jemputan pihak KPC kerana

ia memberi peluang dan ruang kepada kami untuk mendapatkan penjelasan sewajarnya," katanya ketika ditemui selepas lawatan tersebut, semalam.

Beliau diiringi, Ketua Pegawai Eksekutif Pelabuhan Kuantan Datuk Ir Khasbullah A.Kadir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif IJM Corporation Berhad, Lee Chun Fai dan Pengurus Besar KPC, Mazlim Husin.

Fuziah berkata, projek pembesaran Pelabuhan Kuantan bakal memberi faedah kepada rakyat melalui pembangunan ekonomi bagaimanapun beliau menegaskan setiap pembangun-



Fuziah diberi taklimat oleh Chun Fai berhubung perkembangan projek NDWT pada sesi lawatan beliau ke tapak projek itu, semalam.

an perlu mengambil kira aspek keselamatan dan persekitaran.

"Kita mahu sebuah pembangunan mampan dan saya

tidak akan berkompromi terhadap ketidakpatuhan dalam aspek ini.

"Sebagai kerajaan, kita ambil tanggungjawab ter-

hadap semua projek pembangunan supaya ia memberi faedah kepada pihak syarikat dan juga masyarakat setempat," katanya.